

DI DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH DI MELAKA TENGAH

DALAM NEGERI MELAKA, MALAYSIA

KES MAL BIL: 04100-006-0307-2010

ANTARA

XXXXXX ... PEMOHON 1

DAN

XXXXXX ... PEMOHON II

Dalam Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Melaka

(Y.A.A Datuk Mahammad bin Ibrahim

Ketua Hakim Syarie Negeri Melaka)

[3 Zulkaedah 1431H bersamaan 25 Oktober 2010M]

Kes Mal Bil. **04100-006-0307-2010**

Undang- Undang Keluarga Islam : Seksyen 7(1) (a) b c , Seksyen 7(2) , Seksyen 11, Seksyen 12 (1) dan (2), Seksyen 27 , Seksyen 39 , Seksyen 40(1), Seksyen 40 (2), Seksyen 114 .Rukun dan Syarat-syarat sah nikah, Akad Nikah perkahwinan yang tidak dibenarkan. Persetubuhan Syubhah.

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

A. FAKTA KES

1. Dalam kes ini Pemohon I dan II telah membuat permohonan kepada Mahkamah Tinggi Syariah Melaka untuk mengesahkan dan mengesahkan bahawa anak yang dilahirkan hasil daripada perkahwinan mereka adalah anak yang sah taraf.
2. Pemohon I adalah seorang lelaki yang telah mempunyai isteri dan anak. Manakala Pemohon II adalah seorang janda. Mereka mendakwa bahawa mereka telah berkahwin pada 16.7.2009 di Ampang Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan menggunakan wali Hakim. Mereka juga mendakwa bahawa ustaz yang menikahkan mereka adalah Ustaz Hj Ideris Bin Ahmad, seorang jurunikah yang telah ditauliahkan oleh Yang Dipertuan Agong untuk menikahkan mana-mana pasangan yang tidak mempunyai wali hakim.
3. Selepas bernikah mereka telah diberikan sijil nikah yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAMI)
4. Semasa mereka bernikah, wali sebenarnya ketika itu berada di Negeri Melaka. Bapanya tidak hadir ketika upacara akad nikah tersebut dilangsungkan.
5. Pemohon I dan II berkeyakinan bahawa pernikahan mereka dengan menggunakan wali Hakim adalah sah mengikut hukum syara'. Berdasarkan keyakinan tersebut mereka telah menjalani kehidupan sebagai suami isteri yang sah. Hasil daripada perkahwinan tersebut mereka telah dianugerahi seorang anak lelaki yang diberi nama XXXXXX. Anak tersebut dilahirkan pada 9 Ogos 2009. Buat masa ini anak tersebut tidak dibinkan kepada sesiapa lagi.
6. Sebelum pengesahan nasab difailkan, mereka telah membuat satu kes permohonan pengesahan nikah di Mahkamah Tinggi Syariah Melaka. Y.A Hakim Mahkamah Tinggi telah mendengar dan memutuskan bahawa perkahwinan mereka adalah tidak sah mengikut hukum syara'.

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

B. DIPUTUSKAN.

Oleh kerana perkahwinan itu tidak sah dan tidak sabit Nikah Fasid dan perlakuannya tidak sabit wati' syubhah, maka berdasarkan fakta-fakta kes ini, Mahkamah tidak boleh mensabitkan nasab anak tersebut sebagai anak sah taraf kepada bapanya kerana tidak menepati dengan kehendak hukum syarak. Oleh itu kes ini diketepikan dan permohonan ini ditolak.

C. PEGUAM SYARIE:

Pemohon-Pemohon - Tetuan Mohtar & Co

D. KITAB-KITAB YANG DI RUJUK

1. Kitab al-Fiqh 'ala Mazahibul Arbaah muka surat 94 Jilid 4 Imam as-Shafie
2. Kitab الحكم بإثبات النسب Karangan Abdul Azis bin Abd. Rawi bin Ali Al-Jabar
3. Kitab Bidayatul Mujtahid Ibn RUsyd Jilid 2 muka surat 45 dan juga Kitab Al-Um As-Shafie Jilid 5 muka surat 254
4. Kitab الحكم بإثبات النسب oleh Abdul Aziz Bin di muka surat 57
5. Kitab الحكم بإثبات النسب oleh Abdul Aziz Bin di muka surat 57

E. UNDANG-UNDANG YANG DI RUJUK

1. Enakmen Undang- Undang Keluarga Islam Negeri Melaka 2002, Seksyen 7(1) (a) b c , Seksyen 7(2) , Seksyen 11, Seksyen 12 (1) dan (2), Seksyen 27 , Seksyen 39 , Seksyen 40(1), Seksyen 40 (2), Seksyen 114.

F. PENGHAKIMAN YAA DATUK MAHAMMAD IBRAHIM MSNM

1. Di dalam kes ini pihak Pemohon I dan II telah menggunakan khidmat peguam, Tetuan Mohtar untuk mewakilinya di dalam perbicaraan bagi kes pengesahan nasab anak ini. Pemohon I dan II telah menegaskan bahawa anak yang dilahirkan itu adalah hasil daripada perkahwinan mereka yang mereka dakwa adalah sah mengikut hukum syara'.
2. Mengikut keterangan Pemohon bahawa mereka telah berkahwin pada 16.7.2002 dengan menggunakan khidmat wali hakim. Mereka mendakwa oleh kerana wali tidak datang dan Pemohon II merupakan seorang janda, maka mereka mendakwa wali tidak perlu hadir untuk memberikan perwalian, memadai dengan hanya keizinan dan persetujuan janda tersebut. Mereka telah bersetuju untuk menggunakan khidmat seorang jurunikah yang telah ditauliahkan untuk menikahkan mereka dengan menggunakan wali hakim. Mereka yakin sepenuhnya bahawa Imam tersebut adalah salah seorang yang bertauliah yang boleh menikahkan mereka dengan menggunakan wali hakim. Mereka mendakwa yang mengakadkan nikah mereka adalah Ustaz Ideris Bin Ahmad sepertimana yang tercatat dalam Sijil Nikah yang bertarikh 16.7.2007.
3. Dua tahun selepas mereka berkahwin, lahirlah seorang anak lelaki. Oleh kerana timbul kesedaran di kalangan mereka untuk mengetahui kedudukan sebenarnya samaada anak yang telah dillahirkan adalah anak yang sah taraf dari segi hukum syara', maka mereka telah memfailkan satu permohonan untuk mendapatkan pengesahan nasab daripada Mahkamah.
4. Di atas keterangan yang diberikan timbul beberapa persoalan dan isu mengenai pengesahan nasab anak tersebut iaitu seperti berikut:-
 - i) Adakah dakwaan bahawa perkahwinan mereka yang menggunakan wali Hakim telah memenuhi kehendak rukun dan syarat sah nikah. Sekiranya

tidak memenuhi rukun syarat sah nikah, adakah perkahwinan tersebut boleh dikategorikan sebagai batal atau fasid.

- ii) Sekiranya perkahwinan itu dikategorikan batal atau fasid, adakah anak tersebut boleh dikategorikan sebagai anak zina atau wati syubhah. Adakah dakwaan wati syubhah itu menepati dengan hukum syara' dan adakah wati syubhah boleh disabitkan nasab anak kepada bapanya.

Semua persoalan ini harus dirungkaikan satu persatu dengan dihubungkan dengan isu yang berbangkit dengan pemakaian hukum syara' dan undang-undang yang sedia ada.

a) ISU PERTAMA: ADAKAH PERKAHWINAN MEMENUHI RUKUN DAN SYARAT SAH NIKAH.

1. Adakah dakwaan bahawa perkahwinan mereka yang menggunakan wali Hakim telah memenuhi dan menepati kehendak rukun dan syarat sah nikah. Sekiranya tidak memenuhi rukun dan syarat sah atau pernikahan tersebut memenuhi rukun tetapi tidak cukup syarat nikahnya, adakah perkahwinan tersebut boleh dikategorikan sebagai perkahwinan yang fasid atau batal.
2. Untuk menjawab persoalan ini Mahkamah perlu mendapatkan gambaran yang sebenarnya bagaimana status perkahwinan yang didakwa menggunakan wali Hakim telah dilakukan. Apabila Mahkamah mendapat gambaran yang sebenarnya mengenai perkahwinan tersebut maka mudahlah hakim membuat keputusan mengenai pengesahan anak tersebut. Isu perkahwinan ini berkait rapat dengan isu pengesahan nasab anak.

3. Sebelum pengesahan nasab anak dibuat Mahkamah perlu terlebih dahulu melihat sejauh manakah perkahwinan itu dilakukan. Adakah ianya memenuhi rukun-rukun dan syarat sah nikah. Bagi saya sebelum kes pengesahan nasab anak diputuskan, perkara pokok yang harus diputuskan hendaklah melihat kepada sejauh manakah perkahwinan itu mengikut rukun-rukun dan syarat-syarat sah nikah. Samaada nikah itu batal, fasid dan wati syubhah kerana dalam perkara ini ia berkait rapat dengan hukum di antara satu sama lain.
4. Sebab itu perkara ini hendaklah diperjelaskan supaya tidak timbul sebarang kekeliruan. Persoalan ini perlu diberi keutamaan memandangkan ianya melibatkan sepasang suami isteri yang telah berkahwin dan telah melahirkan seorang anak. Sebenarnya dalam kes ini saya dapati pasangan tersebut telah membuat permohonan untuk mengesahkan perkahwinan mereka di Mahkamah Tinggi Syariah Melaka. YA Hakim telah membuat keputusan bahawa pernikahan di antara Pemohon I dan II adalah tidak sah mengikut hukum syara' dan Y.A Hakim memerintahkan perkahwinan mereka difarakhkan.
5. Y.A Hakim telah memberikan alasan seperti berikut:-
 - i) Terdapat percanggahan keterangan Pemohon I dan II mengenai saksi pernikahan mereka;
 - ii) Pemohon I dan II telah gagal untuk memanggil saksi ke mahkamah walaupun telah diberi peluang untuk berbuat demikian;
 - iii) Wujudnya fakta di sebaliknya (*presumption of fact*)

iv) Tiada perwalian di dalam akad nikah tersebut.

6. Apabila Y.A Hakim telah memutuskan bahawa perkahwinan itu tidak sah maka saya tidak sepatutnya menyentuh keputusan yang telah dibuat oleh YA Hakim berkenaan. Ini adalah keputusan beliau dan ijtihad beliau. Walaupun saya tidak terikat dengan keputusan tersebut. Walau bagaimanapun oleh kerana terdapat beberapa isu yang diputuskan boleh dikaitkan secara langsung dengan permohonan pengesahan nasab anak ini. Maka saya telah cuba merujuk kepada alasan penghakiman Y.A Hakim berkenaan. Sekurang-kurangnya menjadi satu rujukan kepada saya. Jauh sekali untuk melihat kenapa dan mengapa keputusan itu dibuat apatah lagi untuk membuat komen. Saya tegaskan di sini bahawa keputusan YA tersebut ada kaitan secara langsung dengan isu yang ditimbulkan. Sekiranya saya mengambil jalan mudah, maka saya akan membuat keputusan berikut. Oleh kerana perkahwinan tersebut tidak sah maka anak tersebut adalah anak di luar nikah, bukan anak kepada wati syubhah. Oleh kerana saya sedang membicarakan kes pengesahan anak tersebut maka perlu bagi saya merujuk kepada catitan hakim tersebut. Saya mohon maaf sekiranya saya tidak sengaja membuat apa-apa alasan berkaitan dengan alasan penghakiman YA Hakim tersebut. Izinkan saya merujuk kepada catitan YA Hakim, Hakim berkenaan yang mencatatkan bahawa perkahwinan itu tidak sah.

7. Ini adalah kerana tiada perwalian yang sebenarnya dilakukan semasa majlis akad nikah dilakukan. Daripada catatan Y.A Hakim dapatlah dibuat kesimpulan bahawa semua rukun dan syarat nikah telah disempurnakan kecuali persoalan mengenai rukun wali sahaja. Dalam kes ini saya dapati mereka telah bernikah dengan menggunakan wali Hakim. Timbul persoalan kenapakah mereka bernikah tidak menggunakan wali yang sebenarnya. Sedangkan catatan menunjukkan bahawa

bapa Pemohon II masih hidup. Semasa mereka berkahwin wali bapanya telah berada di Melaka. Ini menunjukkan bahawa wali sebenarnya ada tetapi mereka tidak menerima pakai wali tersebut. Saya tidak tahu kenapa mereka tidak berbuat demikian. Ini berkemungkinan wali tersebut tidak bersetuju dengan perkahwinan tersebut.

8. Mahkamah beranggapan bahawa sekiranya Pemohon II tidak menggunakan khidmat wali yang sebenarnya, maka ia menggambarkan seolah-olah perkahwinan tersebut tidak menepati dengan rukun-rukun dan syarat sah nikah. Persoalan ini akan dibahaskan kemudian.
9. Dalam permohonan pengesahan anak tersebut, pihak Pemohon I dan II telah menyerahkan Sijil Nikah yang telah dikeluarkan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Dalam Sijil Nikah tersebut telah tertera pernikahan tersebut dilakukan dengan menggunakan wali Hakim. Telah tertera juga dalam Sijil Nikah tersebut nama orang yang mengakad nikah tersebut.
10. Nama jurunikah tersebut ialah Ustaz Ideris Bin Ahmad No Kad Pengenalan 470209-01-6065. Alamat jurunikah juga tertera di alamat Ampang Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Saya telah cuba merujuk kepada catatan Y.A Hakim adakah Ustaz Ideris Bin Ahmad dipanggil untuk memberi keterangan kepada Mahkamah bahawa samaada beliau adakah orang yang bertanggungjawab menjalankan akad nikah tersebut. Apabila saya merujuk kepada catatan YA Hakim, saya dapati Y.A Hakim telah memberi peluang kepada Pemohon I dan II untuk memanggil jurunikah tersebut. Ini adalah kerana beban pembuktian terletak di atas bahunya dan bukan

terletak kepada Mahkamah. Walaupun dalam kes ini YA Hakim telah memberi peluang dan ruang kepada mereka, namun ruang tersebut tidak digunakan dengan sebaik-baiknya.

11. Berdasarkan keterangan tersebut, demi mencapai keadilan kepada pihak Pemohon I dan II , Mahkamah cuba menggunakan kaedah Qadi Ila Qadi (قاضي الي قاضي) bagi mendapat maklumat seberapa tepat yang boleh.

12. Saya telah difahamkan bahawa Ustaz Idris Bin Ahmad yang dimaksudkan telah berhijrah ke Selangor dan telah menamatkan perkhidmatan sebagai jurunikah. Beliau sekarang telah bertugas sebagai Imam yang dilantik oleh kerajaan Selangor di salah sebuah masjid daerah Gombak Barat, Selangor. Kebetulan pula rumahnya adalah berdekatan dengan Mahkamah Rendah Syariah daerah Gombak Barat. Oleh itu saya telah mencuba menggunakan pendekatan kaedah syarie قاضي الي قاضي kepada Hakim Rendah Syariah daerah Gombak Barat. Ekoran daripada itu, Tuan Hakim Azli Bin Jamaludin telah memerintahkan Ustaz Idris bin Ahmad hadir ke Mahkamah tersebut bagi memberikan keterangan beliau untuk membuktikan samaada dakwaan Pemohon I dan II telah menggunakan khidmat beliau sebagai jurunikah mewalikan hakim ketika itu.

13. Keterangan tersebut adalah tersangat penting dan mustahak. Ini adalah kerana dengan keterangan tersebut Mahkamah dapat memastikan bahawa adakah Ustaz Idris Bin Ahmad telah benar-benar menikahkan pasangan tersebut dengan menggunakan wali hakim. Atau adakah dakwaan mereka samaada pada tarikh tersebut Ustaz Idris masih lagi berkhidmat sebagai jurunikah pada ketika itu. Jika

benar adakah Ustaz Idris bin Ahmad telah ditauliahkan oleh Yang Dipertuan Agong untuk menjalankan tugas akad nikah tersebut.

14. Saya berpendapat bahawa keterangan Ustaz Ideris Bin Ahmad akan menjawab segala persoalan yang dibangkitkan dalam kes ini. Pada 6.10.2010 jam 10.30 pagi bertempat di Mahkamah Rendah Syariah Gombak Barat Kuang Selangor, Ustaz Idris Bin Ahmad telah hadir di hadapan Tuan Hakim Azli Bin Jamaluddin, Hakim Mahkamah Rendah Syariah Gombak Barat, Kuang Selangor untuk memberi keterangan berhubung dengan dakwaan tersebut.

15. Daripada keterangan yang diberikan menunjukkan bahawa Ustaz Ideris Bin Ahmad menafikan keseluruhan dakwaan tersebut. Beliau telah menafikan bahawa beliau telah menikahkan pasangan tersebut dengan menggunakan wali Hakim pada tarikh 16.7.2007. Sedangkan pada tarikh tersebut beliau telah menamatkan perkhidmatan sebagai jurunikah tersebut pada tahun 1999. Memang beliau mengakui bahawa beliau adalah salah seorang yang dilantik oleh Yang Dipertuan Agong untuk menjadi jurunikah bagi menikahkan mana-mana pasangan yang tidak mempunyai wali. Akan tetapi dalam tauliah tersebut telah ditetapkan peraturannya apabila seseorang yang telah dilantik untuk memegang tauliah wali hakim telah tamat perkhidmatan, maka tauliah tersebut secara automatik telah tamat. Ini bermakna setelah beliau menamatkan perkhidmatan tersebut pada tahun 2009, maka ia bererti tauliah tersebut tidak lagi terpakai. Ustaz Ideris Bin Ahmad dalam keterangan kepada Mahkamah telah mempertikaikan nama sebenarnya yang tertera di dalam sijil nikah tersebut. Di dalam sijil nikah tersebut terpapar nama beliau dengan ejaan IDERIS BIN AHMAD. Sebenarnya nama beliau sepertimana dalam kad pengenalan asalnya adalah IDRIS BIN AHMAD. Sepintas lalu sekiranya tidak diamati kita akan mendapati

nama beliau seakan-akan sama seperti yang tertulis di dalam Sijil Nikah tersebut. Namun begitu perbezaannya adalah mereka menokok tambah huruf E dalam ejaan namanya yang menjadikan IDERIS.

16. Begitu juga tertera di dalam Sijil Nikah tersebut nombor kad pengenalan beliau ialah 470209-01-6065. Nombor kad pengenalan beliau sebenarnya ialah bernombor 511110-01-5559.

17. Mahkamah Syariah Negeri Melaka telah membuat semakan dengan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan untuk memastikan keesahan terhadap Sijil Nikah tersebut. Ketika itu, Ustaz Hussain Bin Isa, Ketua Bahagian Nikah Cerai dan Rujuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bahawa telah menegaskan dan memperakukan bahawa Surat Nikah tersebut adalah palsu . Nombor rujukan seperti yang tertera di dalam surat tersebut adalah palsu. Beliau juga mengesahkan bahawa tidak ada nama orang yang seperti yang didakwa di dalam pernikahan tersebut dan beliau mendapati nombor rujukan dan butir-butir yang tertera di dalam Sijil Nikah mereka tidak sama dengan pendaftaran yang terdapat di Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

18. Untuk memastikan samaada nama dan kad pengenalan tersebut betul-betul wujud , maka Mahkamah Tinggi Syariah ini telah membuat permohonan kepada Pejabat Pendaftaran Negara Cawangan Ibu Pejabat Negeri Melaka untuk mendapatkan jawapannya. Pejabat Pendaftaran telah mengesahkan bahawa nama dan kad pengenalan jurunikah yang tertera dalam Sijil Nikah tersebut adalah tidak wujud sama sekali sepertimana yang didakwa.

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

19. Setelah Mahkamah mengambil kira semua pengesahan autoriti pihak berwajib, Mahkamah berpendapat bahawa perkahwinan tersebut adalah seolah-olah tidak menepati dengan kehendak rukun-rukun nikah dan syarat-syarat sah nikah. Mahkamah juga berpendapat Pemohon I dan II telah tertipu dengan pernikahan tersebut. Mahkamah menganggap bahawa pernikahan tersebut adalah merupakan satu sindiket nikah yang menjalankan operasi tanpa mengenal mangsa asalkan mendapat habuan upah yang agak lumayan. Daripada jawapan Ustaz Idris Ahmad telah menunjukkan bahawa beliau telah dikambing hitamkan oleh sindiket tersebut kerana menjual nama dan jawatan beliau. Inilah manusia yang sanggup mengambil kesempatan daripada seseorang demi memenuhi kehendak nafsu yang jahat lagi goblok.

20. Daripada jawapan tersebut telah terpampang dan jelas bahawa sebenarnya Pemohon I dan II telah tersalah arah dan telah tertipu dengan sindiket pernikahan palsu. Bagaimanakah yang palsu dan batil hendak dijadikan kebenaran. Tidak ada jalan lain kecuali Pemohon I (calon suami) memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan kebenaran Mahkamah untuk mendapatkan kebenaran berpoligami. Manakala Pemohon II (bakal isteri) sepatutnya hendaklah memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan kebenaran bernikah dengan menggunakan wali hakim. Jika sekiranya bapa atau walinya yang masih hidup tidak mahu atau enggan memberi kebenaran kepada mereka, maka pihak bakal calon perempuan hendaklah membuat permohonan di bahawa peruntukan wali adhal untuk bernikah.

21. Mengikut keterangan Pemohon I dan II bahawa bakal isteri telah mempunyai seorang bapa sendiri dan semasa mereka bernikah wali tersebut telah berada di Melaka. Persoalannya kenapakah wali bapa tidak dibawa bersama semasa upacara nikah tersebut. Tetapi di atas kejahilannya dan di atas nasihat yang tidak betul yang mereka anggap bahawa pernikahan tersebut tidak perlu kepada perwalian kerana bakal calon isteri merupakan seorang janda. Inilah pakar nasihat yang tidak betul yang akhirnya akan menimbulkan pelbagai masalah bukan saja kepada pernikahan tersebut malah kepada implikasi nasab kepada anak tersebut. Pada pandangan saya apa salahnya, sekiranya wali tersebut dibawa bersama-samanya sekurang-kurangnya ia boleh membetulkan keadaan iaitu dengan merelakan diri menjadi wali kepada perkahwinan tersebut atau mewakilkan kepada imam tersebut untuk mengakadnikahkan anaknya dengan Pemohon I. Keadaan sekarang lebih sukar lagi sudahlah wali tidak hadir di upacara akad nikah tersebut malah mereka bersepakat dengan pihak ketiga untuk menikahkan dengan menggunakan wali Hakim di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Di sini timbul persoalan kenapa dan mengapa mereka bernikah dengan menggunakan wali Hakim di negari wilayah persekutuan Kuala Lumpur sedangkan mereka bermastautin di negeri Melaka. Tidak bolehkah mereka menggunakan wali bapa sebagai wali untuk mengakad nikah mereka. Atau wali tersebut hadir untuk menikahkan perkahwinan mereka. Saya pun tidak tahu bagaimana pasangan tersebut mendakwa perkahwinan mereka itu adalah sah.

22. Mengikut **Seksyen 7(1) (a) b c Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Melaka 2002**, menyebutkan bahawa sesuatu perkahwinan hendaklah diadkan oleh wali di hadapan Pendaftar, atau wakil wali di hadapan Pendaftar, atau Pendaftar sebagai wakil wali. Ini bermakna selain daripada perkahwinan tersebut adalah tidak diiktiraf oleh undang-undang.

23. Timbul isu ekoran daripada mereka menikahkan dengan menggunakan wali hakim.

Apakah mereka faham pengertian wali hakim sebenarnya. Sebenarnya saya kata kepada mereka adalah terlalu senang untuk menikahkan dengan wali hakim. Kenalah penuhi syarat-syaratnya. Ini bermakna pasangan tersebut tidak memahami betul apa yang dimaksudkan dengan wali hakim. Mengikut tafsiran Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam 2002, yang mentakrifkan wali raja ialah wali yang ditauliahkan oleh Yang Dipertuan Agong dalam hal wilayah persekutuan Kuala Lumpur Labuan dan Putrajaya, Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak atau oleh raja dalam hal sesuatu negeri lain untuk mengahwinkan perempuan yang tidak mempunyai wali dari nasab. Sekiranya wali menghilangkan diri, wali berada lebih daripada 2 marhalah dan wali ingkar atau walinya sedang mengerjakan haji atau umrah, maka pihak yang terlibat hendaklah membuat permohonan ke Mahkamah untuk mendapatkan wali hakim atau wali raja.

24. Untuk menikah dengan menggunakan wali Hakim, seseorang itu perlu memohon kebenaran Mahkamah . Tahukah prosedur untuk menikah dengan menggunakan wali hakim. Bukan hentam seberono sahaja. Bukan ikut hawa nafsu sahaja dan bukan ikut nasihat yang tidak betul. Mengikut **Seksyen 7(2) EUUKIM 2002** seseorang perempuan yang tidak mempunyai wali dari nasab mengikut hukum syara' , maka perkahwinan itu hendaklah diakadnikahkan oleh wali raja.

25. Di dalam undang-undang Keluarga Islam mensyaratkan bahawa pihak-pihak yang mempunyai keperluan untuk mendapatkan kebenaran menggunakan wali hakim hendaklah memohon kepada Mahkamah mengikut prosedur yang ditetapkan. Di dalam kes ini saya dapati tiada kedatangan permohonan yang dipohon oleh Pemohon

I dan II untuk mendapatkan kebenaran untuk menggunakan wali hakim. Yang menghairankan saya, sudahlah tidak membuat permohonan wali hakim ke mana-mana Mahkamah akan tetapi Pemohon I dan II mendakwa mereka menggunakan wali hakim ketika pernikahan tersebut. Persoalannya di manakah beliau mendapatkan kebenaran tersebut. Setelah diselidiki, saya dapati Pemohon telah pergi ke salah satu tempat di Wilayah Persekutuan untuk berkahwin . Akan tetapi setelah mendapati wali bapa tidak hadir, maka jurunika tersebut telah membuat keputusan bahawa beliau sendiri boleh mengakadnikah dengan menggunakan wali hakim. Persoalannya siapakah yang memberikan kuasa kepadanya untuk mengakadkan nikah dengan menggunakan wali hakim. Siapakah yang memberi kuasa kepadanya untuk berbuat demikian. Sedangkan undang-undang berkehendakkan kepada seseorang yang mempunyai tauliah wali hakim sahaja boleh mengakadkan nikah pasangan tersebut. Sekiranya seseorang itu tidak ditauliahkan dengan tauliah wali hakim oleh Sultan atau Agung, maka beliau tidak berhak menikahkan pasangan tersebut. Jadi persoalannya kuasa manakah yang beliau gunakan. Dalam kes ini saya dapati jurunika tersebut tanpa memikirkan kesan implikasi terhadap perkahwinan tersebut di masa hadapan samaada sah atau tidak perkahwinan itu. Bagaimana pula sekiranya pasangan tersebut memperolehi anak. Bagaimana dengan kedudukan status anak tersebut. Saya menganggap jurunika tersebut tidak bertanggungjawab samaada dari sudut agama atau undang-undang.

26. Mengikut **Seksyen 39 (EUUKIM 2002)**

“Mana-mana orang yang mengakadnikah atau berbuat sesuatu yang berupa sebagai mengakadnikahkan mana-mana perkahwinan sedangkan dia tidak diberi

kuasa di bawah enakmen ini melakukan sesuatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi dua ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi enam bulan atau kedua-dua denda dan pemenjaraan itu.

27. Di dalam Seksyen ini jelas menyatakan bahawa seseorang yang tidak diberikuasa oleh undang-undang tidak boleh menjalankan apa-apa akad nikah terhadap mana-mana individu . Sekiranya ia lakukan juga maka dia boleh dikenakan hukuman sepertimana yang diperintahkan oleh undang-undang.

28. Mengikut Seksyen 40(1) EUUKIM 2002,

Mana-mana orang yang dengan diketahuinya mengakadnikahkan atau berbuat sesuatu yang berupa sebagai mengakadnikahkan atau menjalankan upacara sesuatu perkahwinan

(a) Tanpa ada kebenaran berkahwin sebagaimana yang dikehendaki oleh Seksyen 19 atau

(b) Selain di hadapan sekurang-kurangnya dua orang saksi yang boleh dipercayai di samping orang yang mengakadnikahkan perkahwinan.

Melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh penjara tidak melebihi 6 bulan atau kedua-dua denda dan pemenjaraan itu.

29. Mengikut Seksyen 40 (2) EUUKINM 2002

Mana-mana orang yang berkahwin atau berupa sebagai diakadnikahkan atau yang berupa sebagai diakadnikahkan atau yang menjalani suatu cara akad nikah dengan mana-mana berlawanan dengan mana-mana peruntukan bahagian II melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dihukum denda tidak melebihi satu ribu ringgit atau pemenjaraan selama tempoh tidak melebihi 6 bulan atau kedua-dua denda atau pemenjaraan itu.

30. Seksyen ini memperuntukkan mana-mana pihak-pihak yang tertentu dilarang untuk mengakadkan sesuatu pernikahan atau menjalankan apa-apa upacara akadnikah. Sekiranya pihak yang berkenaan tidak mendapat apa-apa kebenaran daripada undang-undang atau mana-mana pihak yang berwajib, maka ia boleh dikenakan hukuman.

31. Peraturan ini dibuat bagi membendung dan menbanteras gejala nikah sindiket yang berleluasa sekarang ini.

32. Persoalan sekarang ini Pemohon I dan II telah berusaha sendiri mencari nikah sindiket ini. Tujuan mereka berbuat demikian adalah memudahkan mereka berkahwin tanpa memohon kebenaran berpoligami daripada mana-mana Mahkamah yang berbidang kuasa mendengar dan memutuskan kes poligami. Mereka tidak menyelidiki samaada jurunikah tersebut mempunyai tauliah atau tidak. Mereka beranggapan perkahwinan secara sindiket ini adalah mudah dan cepat. Hanya beberapa minit sahaja upacara nikah tersebut telah selesai.

33. Mereka membandingkan sekiranya permohonan dibuat di Mahkamah beberapa prosedur yang ketat harus dipatuhi. Apatah lagi sekiranya isteri pertama mengetahui dan dipanggil ke Mahkamah untuk memberi keterangan lebih-lebih lagi membuat

pembelaan dan tuntutan. Mereka berbuat demikian bagi mengelakkan isteri pertama mengetahui kedudukan perkara yang sebenarnya. Seandainya isteri pertama tidak bersetuju dengan perkahwinan poligami tersebut maka akan menjadi satu bala kepada mereka. Kemungkinan berlaku pergaduhan dan akhirnya berkemungkinan besar rumah tangga mereka akan porak peranda.

34. Seandainya isteri pertama hadir dan menuntut bermacam-macam tuntutan bermula, dengan tuntutan nafkah isteri, anak, harta sepencarian dan berbagai-bagai lagi tuntutan yang dikemukakan, maka ia akan menimbulkan kekecohan dalam Mahkamah. Maklumlah apabila suami ingin berkahwin lain tentulah suaminya berkemampuan menampung segala-galanya. Apalagi isteri pun menuntut dengan pelbagai tuntutan. Inilah suasana dan keadaan di mana suami tidak ingin membuat permohonan poligami di Mahkamah. Akhirnya suami mengambil jalan pintas bagi mengelakkan perkara ini berlaku kepadanya. Apabila Pemohon I dan II datang untuk berkahwin secara sindiket, maka jurunika pun mengaku janji bahawa mereka boleh menikahkan dengan segera. Akan tetapi kebiasaannya sindiket akan meminta balasan wang yang tinggi kepada mereka yang mahu dinikahkan secara begini.

35. Ada juga sindiket yang memberi alasan bahawa oleh kerana wali bapa tidak hadir dan tinggal 2 marhalah maka bolehlah digunakan wali hakim. Ini adalah alasan yang biasa digunakan oleh pihak sindiket ini. Apatah lagi Pemohon II dalam kes ini seorang janda. Mereka juga memberi alasan bahawa oleh kerana Pemohon II seorang janda, maka sebagai seorang janda beliau boleh diakadnikahkan oleh orang tertentu asalkan beliau bersetuju dengan pernikahan tersebut. Akhirnya beliau termakan dengan alasan-alasan tersebut maka mereka diakadnikahkan.

36. Setelah diadnikahkan dan mereka yakin bahawa perkahwinan itu sah kerana telah kononnya memenuhi rukun-rukun nikah maka mereka telah tinggal bersekali (bersekududukan) sepertimana sebagai suami isteri yang sah. Hasil daripada bersekududukan tersebut mereka telah dianugerahi cahayamata. Pada mulanya nampaknya tidak ada apa-apa masalah yang berlaku tetapi setelah anak tersebut telah meningkat besar timbul masalah anak tersebut tidak boleh didaftarkan. Ini adalah kerana perkahwinan mereka tidak didaftarkan di Pejabat Agama Islam Melaka. Apabila pegawai agama menyelidiki kedudukan mereka maka pegawai agama tersebut mendapati perkahwinan tersebut meragukan atau beliau berpendapat bahawa perkahwinan tersebut berkemungkinan tidak sah atau melanggar enakmen, maka pegawai berkenaan memanjangkan kepada Mahkamah untuk dibicarakan dan diputuskan samaada perkahwinan itu sah atau tidak mengikut hukum syara'.

37. Ini jelas dalam **Seksyen 27 EUUKIM 2002** yang memperuntukkan seperti berikut:-

Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap orang untuk melaporkan kepada Pendaftar tentang hal keadaan sesuatu kes yang dalamnya dia berpendapat bahawa mana-mana perkahwinan yang dikatakan adalah tak sah atau bahawa mana-mana perkahwinan yang boleh didaftarkan telah diadnikahkan dengan melanggar Enakmen ini

38. Merujuk kepada **Seksyen 11 EUUKIM 2002**

Sesuatu perkahwinan adalah tak sah melainkan jika cukup semua syarat yang perlu, menurut Hukum Syarak, untuk menjadikannya sah.

39. **Seksyen 12 (1) dan (2) EUUKIM 2002** yang memperuntukkan bahawa:-

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

(1) Sesuatu perkahwinan yang berlawanan dengan Enakmen ini tidak boleh didaftarkan di bawah Enakmen ini.

(2) Walau apa pun subseksyen (1) dan tanpa menjejaskan subseksyen 40(2), sesuatu perkahwinan yang telah diupacarkan berlawanan dengan mana-mana peruntukan Bahagian ini tetapi sebaliknya sah mengikut Hukum Syarak boleh didaftarkan di bawah Enakmen ini dengan perintah daripada Mahkamah.

40. Di dalam undang-undang tersebut telah menjelaskan bahawa sesuatu perkahwinan hendaklah didaftarkan setelah memenuhi syarat sah nikah mengikut hukum syarak. Jika sekiranya sesuatu perkahwinan itu tidak sah, maka hendaklah melaporkan segera kepada pihak berwajib untuk diambil tindakan.

41. Di atas catitan Y.A Hakim dan keterangan yang telah diberikan saya berpuas hati bahawa pernikahan mereka dengan menggunakan wali Hakim sepertimana didakwa sebenarnya tidak wujud dan tidak memenuhi dan menepati salah satu rukun daripada rukun-rukun nikah dan syarat sah nikah sepertimana yang dikehendaki oleh hukum syarak.

42. Apabila sesuatu pernikahan itu tidak memenuhi kehendak hukum syarak maka pernikahan tersebut adalah tidak sah dan batal.

**b) ISU KEDUA: PERKAHWINAN YANG TIDAK MEMENUHI DAN MENEPATI
SESUATU RUKUN NIKAH.**

1. Sekiranya perkahwinan itu dikategorikan sebagai batal atau fasid, adakah anak tersebut boleh dikategorikan sebagai anak zina atau anak daripada wati' syubhah. Atau adakah dakwaan wati' syubhah itu menepati dengan kehendak hukum syarak. Adakah wati' syubhah itu boleh disabitkan nasab anak kepada bBapanya.
2. Dalam kes ini pihak peguam pemohon I dan II telah cuba untuk mengaitkan bahawa perkahwinan tersebut adalah fasid kerana tidak menggunakan susunan wali yang betul. Peguam berhujjah bahawa Nikah Fasid adalah nikah yang salah satu daripada syarat atau rukun nikah tidak dapat dipenuhi. Mereka membawa hujjah bahawa anak hasil daripada Nikah Fasid dianggap berlaku wati' syubhah dan boleh dinasabkan kepada bapa secara automatik.
3. Untuk menjawab persoalan ini Mahkamah akan cuba membezakan diantara Nikah Batal, Nikah Fasid dan wati' syubhah:
4. Apakah yang dimaksudkan dengan Nikah Batal dan Nikah Fasid:

i) Nikah Batal:

Mengikut Kitab al-Fiqh 'ala Mazahibul Arbaah muka surat 94 Jilid 4 Imam as-Shafie ada menjelaskan bahawa “

أما النكاح الباطل فهو ما اختل فيه الركن

Maknanya:

Adapun pernikahan yang batil ialah pernikahan yang cacat dari satu rukun daripada rukun-rukun pernikahan.

5. Mengikut satu riwayat daripada Syaidina 'Aisyah r.a.w. bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda”

أيما امرأة نكحت بغير إذن وليها فنكاحها باطل

Maksudnya mana-mana wanita yang telah berkahwin tanpa menggunakan walinya, maka perkahwinan tersebut adalah batal.

Hadith Riwayat Ahmad Abu Daud Ibni Majah at-Tirmidzi

6. Daripada hadis 'Aisyah dan pendapat Imam al-Shafie dapatlah difahamkan bahawa perkahwinan yang batil ialah perkahwinan yang tidak memenuhi rukun-rukun dan syarat sah atau tidak memenuhi salah satu rukun daripada rukun-rukun pernikahan.
7. Di dalam kes ini beberapa rukun dan syarat sah nikah dipenuhi akan tetapi oleh kerana salah satu daripada rukunnya tidak memenuhi dan menepati kehendak rukun-rukun nikah maka nikah tersebut adalah batal. Salah satu rukun yang tidak dipenuhi oleh pasangan tersebut ialah mengenai rukun wali.

8. Wali merupakan salah satu daripada rukun-rukun nikah. Sekiranya mana-mana perkahwinan tidak menggunakan wali maka perkahwinan tersebut adalah tidak sah. Bagi mereka yang bertaraf janda, keizinan wali tidak diperlukan memadai dengan persetujuan janda tersebut. Akan tetapi janda tersebut tidak boleh lari daripada mendapatkan perwalian untuk menikahnya. Bagi mereka yang tidak mempunyai wali atau wali ghaib, atau wali sedang mengerjakan ibadat haji atau umrah atau wali tinggal melebihi dua marhalah atau wali enggan menikahnya. Maka mereka bolehlah memohon kepada Mahkamah untuk mendapatkan wali Hakim.
9. Dalam kes ini saya dapati pasangan tersebut tidak membuat sebarang permohonan kepada mana-mana Mahkamah untuk menggunakan wali hakim. Mereka hanya mendakwa dan berkeyakinan penuh bahawa pernikahan tersebut dengan menggunakan wali Hakim sepertimana yang telah dilakukan adalah sah. Mereka mendakwa juga bahawa seorang janda tidak perlu kepada perwalian tersebut memadai dengan hanya keizinan daripada janda tersebut. Itulah pandangan dan tanggapan mereka. Hakikat sebenarnya apa yang berlaku ialah mereka tidak menggunakan perwalian yang sebenarnya atau mereka tidak menggunakan salah satu rukun daripada Rukun-rukun Nikah.
10. Ini telah diperjelaskan oleh Ustaz Idris bin Ahmad yang telah memberi keterangan dan penjelasan bahawa perkahwinan tersebut bukan menggunakan wali Hakim yang sebenarnya sepertimana yang didakwa oleh mereka. Sebenarnya wali Hakim tersebut tidak wujud. Wali Hakim tersebut hanya wujud pada nama sahaja tidak pada yang lain, yang wujudnya hanya tipu daya Sindiket Nikah yang menjalankan operasinya dengan menggunakan kedudukan dan nama orang lain. Mereka

menggunakan nama Ustaz Idris bin Ahmad sebagai batu loncatan sebagai juru nikah wali Hakim.

11. Sebenarnya sindiket tersebut telah menyamar dan berlagak sebagai Ustaz Idris bin Ahmad yang bertindak dan menyamar sebagai juru nikah yang bertauliah. Sedangkan juru Nikah sindiket tersebut tidak mempunyai sebarang tauliah dan kebenaran untuk menikahkan mereka dengan menggunakan wali Hakim. Apabila pernikahan mereka secara wali Hakim dilakukann sedangkan wali yang sebenarnya wujud dan masih hidup, maka . pernikahan mereka boleh dianggap sebagai menafikan atau menidakkan kedudukan taraf wali yang sebenarnya. Oleh kerana tidak memenuhi kehendak perwalian, maka perkahwinan tersebut dianggap tidak sah dan batal dan bukan fasid lagi.

12. Apabila perkahwinan itu batal maka sekiranya berlaku persetubuhan diantara mereka maka persetubuhan tersebut haram. Jika sekiranya perempuan tersebut mengandung dan melahirkan anak maka anak tersebut dikira sebagai anak yang tak sah taraf atau anak zina. Anak zina tidak boleh dinasabkan kepada bapanya dan ia tidak boleh mewarisi harta ayahnya.

13. Berdasarkan kepada Hadis dan pandangan ulama' Fiqh di atas , maka dapatlah difahami bahawa pernikahan tanpa memenuhi dan menepati rukun dan syarat sah nikah maka perkahwinan tersebut adalah tidak sah dan terbatal. Apabila tidak sah maka anak tersebut dikategorikan sebagai anak yang tak sah taraf.

14. Merujuk kepada garis panduan Fatwa Anak Tak Sah Taraf mengikut Hukum Syarak di Negeri Selangor yang telah diwartakan pada 28 April 2005 ada menyebutkan bahawa :-

Anak tak sah taraf adalah:-

- a) Anak yang dilahirkan tanpa Nikah semada hasil daripada zina, rogol atau melalui cara saintifik yang bertentangan dengan hukum syarak.
- b) Anak yang dilahirkan kurang daripada enam bulan dua lahzah ganariah dari waktu “Imkad ad-dukhul” dan bukan hasil daripada persetubuhan syubhah.

15. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan di sini bahawa sesuatu pernikahan itu dikatakan sebagai “Nikah Batal” adalah apabila tidak memenuhi rukun dan syarat sah nikah.

ii) Nikah Fasid:

1. Mengikut pandangan Abdul Azis bin Abd. Rawi bin Ali Al-Jabar didalam kitabnya الحكم بالحكم بإثبات النسب halaman 53 telah menakrifkan Nikah Fasid seperti berikut:

كل عقد نكاح اختلف العلماء في جوازه بأن فقد شرطاً من شروط صحته التي لم يتفق عليها كافة العلماء كالنكاح بغير ولي او بغير شهود.

Sesuatu akad nikah yang berbeza pandangan dan pendapat ulama dari segi keharusannya kerana akad tersebut disebabkan kekurangan syarat-syarat dari syarat-syarat sah seperti perkahwinan tanpa wali atau tanpa saksi-saksi.

2. Mengikut Kitab Bidayatul Mujtahid Ibn RUsyd Jilid 2 muka surat 45 dan juga Kitab Al-Um As-Shafie Jilid 5 muka surat 254 menjelaskan:

الزوج الفاسد الزوج الذي فقد شرطاً صحته كالنكاح بغير شهود , ونكاح الخمسة في عدة الربعة ونكاح الأختين في عقد واحد ,
ونكاح بغير ولي , ولا فراش في الزواج الفاسد إلا بدخول الحقيقي

Bermaksud:

Perlu difahami bahawa Pernikahan yang fasid adalah pernikahan yang hilang syarat daripada syarat-syarat sah nikah bukan ketiadaan satu syarat dari syarat-syarat nikah kerana kehilangan syarat itu dianggap rosak dan ketiadaan syarat itu adalah tidak sah. Seperti nikah dihadapan seorang yang tiada autoriti penyaksian, nikah yang kelima pada eddah isteri keempat, nikah dua orang adik beradik perempuan dalam satu akad, nikah di hadapan wali yang tiada autoriti perwalian, dan tidak ada ketentuan nasab pada pernikahan yang fasid kecuali pada dukhul yang hakiki.

3. Daripada beberapa pandangan ulamak tersebut dapatlah difahami bahawa Nikah Fasid adalah sesuatu akad nikah yang hilang syarat daripada syarat-syarat sah nikah. Sepertimana perkahwinan tanpa mengikut susunan wali yang betul atau tanpa saksi-saksi yang benar-benar layak sebagai seorang saksi.
4. Akad tesebut adalah berbeza-beza dari segi hukum wajib untuk melaksanakannya atau mensyariatkan hukumnya. Dari segi hukum ianya ialah adalah menyamai dengan perkahwinan yang sah. Sebagai contoh Nikah Fasid ialah seorang pengantin perempuan telah tersilap menggunakan susunan wali yang sebenarnya. Beliau telah bernikah dengan menggunakan wali saudara sebelah bapa. Sedangkan pada ketika itu

wali saudara lelaki seibu dan sebapa masih hidup. Disebabkan tersalah menggunakan wali tersebut maka nikah tersebut di kategorikan sebagai Nikah Fasid.

5. Ulama telah bersefakat bahawa pernikahan fasid adalah pernikahan yang diiktiraf sebagai pernikahan yang menyamai kesahihan hukum dalam perundangan Islam. Nikah fasid juga boleh diiktiraf untuk mensabitkan kenasaban anak tersebut berdasarkan syarat-syarat nasab yang telah ditentukan. Ianya dibolehkan berdasarkan kepada untuk menjaga kehormatan dan kemuliaan serta kemasalahan anak tersebut. Ia juga berketepatan dengan Maqasid Syariah untuk menjaga nasab agar tidak berlaku tohmahan dan fitnah dikalangan masyarakat Islam.
6. Dalam kes Nikah Kefasidan ini sekiranya berlaku perisetubuhan dan melahirkan anak maka perbuatan tersebut boleh dikategorikan sebagai wati' syubhah. Maka anak tersebut boleh dinasabkan kepada bapa tersebut.
7. Didalam kes dihadapan saya ini saya tidak nampak ianya boleh disabitkan dengan Nikah Fasid kerana telah terbukti bahawa bukan sahaja mereka menggunakan susuanan wali yang tidak betul malah pernikahan mereka telah tidak mengikut salah satu rukun wali dan syarat wali yang sebenar mengikut kehendak hukum syarak. Maka bagaimana boleh mereka disabitkan dengan Nikah Fasid. Oleh itu saya berpendapat bahawa dalam kes ini saya tidak boleh mensabitkan dan mengesahkan bahawa pernikahan yang telah mereka lakukan itu adalah nikah fasid. Seterusnya apabila pernikahan tersebut tidak sabit fasid, maka anak yang telah dilahirkan itu tidak boleh disabitkan penasabahan kepada bapanya.

8. Oleh yang demikian, dapat disimpulkan di sini ciri-ciri nikah fasid adalah rukun nikah telah dipenuhi namun syarat-syarat sah rukun tersebut cacat, seperti wali tidak mengikut susunan mengikut hukum syara' atau

iii) Wati' Syubhah:

1. Didalam Kitab الحكم بإثبات النسب oleh Abdul Aziz Bin di muka surat 57, Secara umumnya ulamak lughah mentafsirkan Syubhah sebagai “الإلتباس” maknanya syubhah bermaksud kesilapan.

2. Manakala Ulama Feqah mentafsirkan syubhah sebagai:

بأنها ما يشبه الثابت مليس في نفس الأمر بثابت

laitu “Sesungguhnya tiada disabitkan dan tiada darinya perkara yang sabit”.

3. Manakala bagi definisi **Wati' Syubhah** dikalangan sebahagian Fuqaha' adalah :

فيمن غلط الوطء في له تحل المستقبل

Sesuai persetubuhan secara tersalah ke atas orang yang tidak dihalalkan bercampur gaul dengannya di masa akan datang.

4. Manakala di kalangan yang lain:

بأنه كل وطء حرام لا حد فيه

Sesungguhnya semua persetubuhan yang haram dimana tiada hukuman hudud ke atasnya.

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

5. Manakala sebahagian علماء المعاصرين telah mentafsirkan Wati' Syubhah dengan:

التصال الجنسي غير الزنا وليساً بناءً على عقد زواج صحيح أو فاسد

Perhubungan di antara di antara dua orang selain dari perbuatan zina dan ianya bukan lahir daripada akad Nikah yang sah dan Fasid.

6. Daripada pengertian wati' syubhah yang telah diberikan dapatlah difahami bahawa wati' syubhah ialah suatu persetubuhan yang telah dilakukan dengan cara tidak sengaja ke atas seseorang yang tidak halal bercampur gaul dengannya. Ianya tidak dikenakan hukuman hudud ke atas pelakunya. Contohnya seorang lelaki telah bersetubuh dengan seseorang perempuan diwaktu samar-samar malam yang ia menyangka penuh dan yakin bahawa itulah isterinya yang sebenarnya-benarnya. Kalau di dalam Fiqh diberikan misalan seorang ayah telah menyetubuhi hamba kepada anaknya.
7. Jumhur ulama' telah berpendapat bahawa wati'syubhah adalah sabit nasab kepada pelakunya. Tujuan ialah untuk menjaga keturunan pelakunya, Perbuatan tersebut tidak dikenakan hukum hudud.
8. Mengikut **Seksyen 114 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Melaka 2002** ada menyatakan:

“Jika seseorang lelaki melakukan persetubuhan syubhah dengan seorang perempuan dan kemudian perempuan itu melahirkan seorang anak dalam

tempoh 6 bulan qamariah hingga empat tahun qamariah selepas persetubuhan itu maka lelaki itu hendaklah disifatkan sebagai bapa anak itu”.

9. Daripada peruntukan tersebut telah jelas menunjukkan bahawa anak yang dilahirkan melalui persetubuhan wati'syubhah adalah anak yang boleh dikategorikan sebagai anak yang sah taraf. Ianya adalah suatu inisiatif prioriti undang-undang yang diberikan dalam melindungi hak kenasabahan terhadap anak tersebut demi menjaga kepentingan kebajikan anak tersebut dimasa akan datang.
10. Apabila kes ini hendak dihubungkaitkan dengan sabitan nasab anak melalui wati' syubhah maka saya dapati ianya terlalu jauh daripada hakikat kenasabahan yang sebenarnya daripada apa yang berlaku kepada pasangan tersebut. Ini adalah kerana:-

Pertama:

Nikah tersebut tidak memenuhi dan menepati kehendak rukun atau salah satu rukun daripada rukun nikah atau Syarat Sah Nikah.

Kedua:

Nikah tersebut adalah batal kerana tiada berlaku perwalian sebenarnya. Yang ada hanyalah perwalian palsu dan akad nikah palsu.

Ketiga:

Nikah itu tidak Fasid dan tidak berlaku wati' syubhah .

Keempat:

Tiada berlaku pensabitan nasab melalui wati'syubhah.

Kelima:

Anak tersebut tidak boleh dinasabkan kepada bapanya.

11. Dalam kes ini juga saya tidak nampak bagaimana boleh dikaitkan dengan pensabitan nasab melalui wati'syubhah. Ini adalah kerana pernikahan mereka dari mula-mula lagi tidak mengikut salah satu rukun daripada rukun-rukun nikah dan syarat sah nikah.
12. Bagaimana boleh orang yang tidak disabitkan dengan Nikah Fasid kerana tidak mengikut susunan wali boleh dihukum wati' syubhah. Bagaimana boleh orang yang tidak sabit berlaku wati'syubhah boleh dikaitkan dengan pengsabitan anak .Oleh itu dalam kes ini saya berpendapat bahawa Mahkamah tidak boleh mensabitkan dan mengesahkan bahawa anak tersebut adalah anak yang sah taraf kerana tidak menepati dengan kehendak hukum syarak.
13. Akhirnya, Mahkamah mengucapkan jutaan terima kasih kepada peguam yang terlibat yang telah banyak membantu saya dalam membuat keputusan ini. Setelah meneliti permohonan serta setelah mendengar semua keterangan pemohon I dan II dan saksi-saksinya serta hujahannya, maka saya berpuas hati bahawa oleh kerana pernikahan pemohon I dan II tidak mengikut rukun-rukun nikah dan Syarat Sah Nikah, maka perkahwinan itu adalah tidak sah.
14. Oleh kerana perkahwinan itu tidak sah dan tidak sabit Nikah Fasid dan perlakuannya tidak sabit wati' syubhah, maka berdasarkan fakta-fakta kes ini, saya tidak boleh

mensabitkan nasab anak tersebut sebagai anak sah taraf kepada bapanya kerana tidak menepati dengan kehendak hokum syarak.

15. Oleh itu kes ini saya ketepikan dan permohonan ini ditolak.